



**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

---

**SURAT EDARAN UMT BILANGAN 1 TAHUN 2017**

---

**Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan Dan Hari Gawai**

**Latar Belakang**

1. Surat edaran ini bertujuan memaklumkan mengenai pemberian Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.

**Pelaksanaan**

2. Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 16 Mei 2017, Kerajaan telah bersetuju supaya pegawai kelahiran Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia, dibenarkan mengambil satu (1) hari Cuti Tanpa Rekod untuk menyambut Pesta Kaamatan pada 30 Mei atau 31 Mei setiap tahun.
3. Manakala bagi pegawai kelahiran Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia dibenarkan mengambil satu (1) hari Cuti Tanpa Rekod untuk menyambut Hari Gawai pada 1 Jun atau 2 Jun setiap tahun.

**Tarikh Kuat Kuasa**

4. Kelulusan ini berkuat kuasa mulai tahun 2017.